

27/01/2001

Wadah perjuangan hawa semakin kukuh

Halina Mohd Noor

PERJUANGAN hak dan kepentingan wanita sejak awal Penubuhan Pergerakan Wanita Umno pada 1949 akhirnya meniti arus baru selepas pengumuman penubuhan Kementerian Hal Ehwal Wanita oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini. Ia disifatkan kebanyakan wanita sebagai pengiktirafan kepada peranan wanita dalam pembangunan negara.

Kementerian yang diterajui Datuk Shahrizat Abdul Jalil sebagai menterinya, bakal menyemarakkan lagi semangat wanita seluruh negara untuk terus menyumbang tenaga ke arah kecemerlangan negara.

Shahrizat berikrar untuk mencapai matlamat itu dan menjadikannya fokus utama bagi meletakkan wanita semua peringkat dalam proses membuat keputusan kerana wanita adalah penyumbang utama tenaga kerja dalam sektor kerajaan dan swasta.

Menurut Shahrizat: "Kementerian baru ini khusus untuk wanita, keluarga dan kanak-kanak bagi menjamin kesinambungan pembangunan negara. Penubuhan kementerian ini bukan sesuatu yang baru kerana ia sudah lama wujud di negara lain.

Berdasarkan pengalaman selama setahun bersama Hal Ehwal Wanita (Hawa), beliau lebih berminat meletakkan tiga perkara sebagai agenda utama iaitu:

- * Dasar yang menjamin kesejahteraan wanita,
- * advokasi terhadap isu wanita dan
- * melaksanakan program pembangunan wanita.

Ketiga-tiga agenda itu diharap mampu menjadi saluran bagi menyelesaikan pelbagai isu yang selama ini diperjuangkan oleh wanita.

Katanya, wanita bukan saja bertanggungjawab melaksanakan peranan sebagai pekerja tetapi juga sebagai individu, ibu, isteri dan anak. Oleh itu, isu yang membabitkan wanita perlu diberi perhatian.

"Sememangnya wanita di negara ini tidak mengalami diksriminasi tetapi dalam menghadapi dunia yang penuh cabaran, masalah yang dihadapi wanita tidak sepatutnya dipandang remeh," katanya.

Shahrizat berkata, dasar sedia ada dikaji semula dan memerlukan perhatian khusus demi memastikan nasib wanita lebih terjamin.

Misalnya, dasar yang membenarkan wanita menandatangani sesetengah dokumen penting untuk anak bagi membantu ibu menyelesaikan masalah berkaitan anak tanpa perlu menunggu pihak bapa menyelesaikannya.

Bagi mencapai hasrat kesejahteraan wanita, Shahrizat akan bekerjasama dengan bertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan aktivis wanita untuk memberikan pandangan.

Sebagai permulaan, pihaknya meminta kerjasama pakar rujuk NGO bagi mendapatkan maklum balas dalam mengupas isu wanita bagi mendapat gambaran lebih luas.

"Usaha itu dilakukan sejak setahun lalu dan melalui Hawa, kita sudah memulakan rangkaian dengan NGO. Kini kita memerlukan maklum balas pakar terbabit dalam membentuk polisi untuk manfaat wanita," katanya.

Sementara itu, sebuah Jawatankuasa Kebangsaan Keganasan Terhadap Wanita ditubuhkan pada Disember tahun lalu dan amat diperlukan kerana ada peningkatan kes rogol, bunuh dan aniaya membabitkan wanita.

"Tahun 2001 adalah tahun paling sesuai untuk melancarkan kempen membela nasib wanita, khususnya membabitkan isu kritikal. Kita juga akan mewujudkan pelan bertindak khas, terutama bagi menghentikan keganasan terhadap wanita.

"Saya berharap isu berkaitan wanita dapat diketengahkan sebagai isu

nasional atau perdana.

"Ini bermakna isu wanita bukan hanya wanita yang menyelesaikannya. Wanita Malaysia perlu rasa beruntung dengan kewujudan kementerian ini. Saya berharap wanita bersatu dan sebulat suara apabila membincangkan isu mengenai mereka," katanya.

(END)